

PERANAN CIVIL SOCIETY ORGANIZATIONS (CSO) DALAM PREVENTING & COUNTERING VIOLENT EXTREMISM (PCVE)

Mohd Mizan Aslam, Lokman Effendi Ramli

ABSTRACT

The challenge to overcome violent extremism (VE) including terrorism threats through strategic society-based approaches in order to defeat their ideologies is needed. This approach is known as ‘Civil Society Organization’ or CSO, which is a movement that enables the community to handle violent and extremist threats (PCVE). Efforts to handle the problem of VE is no longer an issue which becomes exclusive to certain government entities such as the Police, Army or Anti-Terrorism Elite Units only, but it has also become the responsibility of every small unit of the community, which is the individual. Each member of the community has a role to play in helping the government and nation in handling PCVE threats. In order CSO functioning effectively, five phases have to be developed starting in giving the right definition, the process of forming CSO, competent CSO actors, clear policy and the main issues to be fought for. Furthermore, funding, disputes and coordination are the main challenges faced by CSO all around the world. Finally, this chapter shared eight practical strategies in creating the best CSO that can be set as a good practice for all CSO. This chapter is qualitative in nature employed in focused group discussion and expert interviews including researching primary and secondary data from various reliable sources.

Keywords: *Civil Society Organization CSO, Preventing & Countering Violent Extremism (PCVE), Deradicalization, Counter-Terrorism, Islamic State Iraq and Syria (ISIS).*

ABSTRAK

Cabaran menangani ekstremisme dan keganasan termasuklah terrorisme memerlukan strategi yang ampuh dengan melibatkan masyarakat awam. Penglibatan ‘State-Society’ diperlukan bagi menewaskan ideologi ekstrem, pendekatan ini dikenali sebagai Civil Society Organisation (CSO) iaitu penglibatan individu/komuniti dalam Preventing & Countering Violent Extremism (PCVE). Peranan menangani ekstremisme bukan lagi menjadi eksklusiviti pihak berkuasa seperti Polis, Tentera dan unit Elit Anti-Terrorisme (E8) semata-mata, tetapi ianya telah menjadi tanggungjawab semua unit individual dalam masyarakat. Setiap anggota masyarakat mempunyai peranan masing-masing yang boleh membantu kerajaan dan negara mengatasi ancaman eskremisme. Lima fasa penting dalam menubuhkan CSO yang efektif dibincangkan dalam kertas kerja ini, iaitu fasa pendefinisan, fasa penubuhan, pemilihan tokoh atau pemain CSO yang kompeten, polisi yang jelas dan fasa mendapatkan isu yang tepat untuk diperjuangkan. Kertas kerja ini juga membincangkan tiga cabaran utama CSO di seluruh dunia iaitu pendanaan, pertindihan gerak kerja dan masalah koordinasi. Di akhir kertas kerja ini, dibincangkan tentang lapan cara mewujudkan CSO yang efektif iaitu dengan menjurus kepada pendekatan tempatan, memperkasa peranan wanita dan institusi keluarga, gender, golongan remaja, keagamaan, kerjasama agensi kerajaan-swasta, pendekatan rentas sempadan dan juga memahami isu-isu minoriti. Kertas kerja ini digarap secara kualitatif dengan menekankan kepada temu bual pakar dan perbincangan kelompok tersasar. Data primer dan sekunder dari pelbagai sumber digunakan dalam membangunkan kertas kerja yang akan dijadikan rujukan pembuat dasar dan CSO yang berjuang dalam aktiviti berkaitan PCVE.

Kata Kunci: *Organisasi Masyarakat Sivil, Pencegahan & Menangani Ekstremis Ganas, Deradikalisasi, Anti-Terrorism, Negara Islam Iraq & Syria*

Latar isu:

Era globalisasi yang muncul di alaf baru telah mengubah landskap sosio, politik dan ekonomi dunia seluruhnya. Manusia hidup dalam sebuah negara tanpa sempadan geografi melalui akses kepada dunia internet. Manusia tidak lagi terikat dengan sempadan masa dan fizikal yang boleh menyekat kemajuan yang ingin dicapai. Dunia menjadi sebuah kampung atau diistilahkan sebagai '*global village*' yang mana setiap perkara yang terjadi di satu-satu kawasan di dunia ini akan mudah disebar luaskan ke kawasan-kawasan lain tanpa perlu menunggu lama (Aslam, 2005). Perkara baik dan tidak baik juga tersebar dengan cepat dan pantas dalam era globalisasi ini termasuklah perkara berkaitan keganasan dan ekstremisme.

Sesuatu isu yang berlaku hari ini amat sukar untuk diramal kesan dan akibatnya. Pergerakan ekstremis dan terroris sukar diramal terutamanya apabila mereka mengoptimumkan penggunaan sains dan teknologi dalam era globalisasi ini. Kaedah pembuatan bom, taktik serangan secara gerila dan proses indoktrinasi telah dilakukan dengan cukup licik dan berkesan melalui kemudahan internet. Lagi mudah akses kepada internet, maka semakin mudahlah pengaruh dan ideologi ekstremisme disebarkan (Gordon, 2007). Maka tidak hairanlah kewujudan '*lone-wolf*' atau terrorisme secara solo berlaku di serata ceruk di dunia ini. Tanpa perlu perekrutan secara fizikal, seseorang itu boleh diindoktrinasi melalui media sosial seperti Facebook, Instagram, Telegram dan lain-lain lagi (Putra & Sukabdi, 2013).

Terrorisme hari ini mempunyai objektif yang pelbagai. Motif di sebalik setiap pergerakan dan aktiviti berkaitan terrorisme dipacu oleh ideologi politik dan personal. Pelbagai parti politik menggunakan taktikal terrorisme dalam mencapai objektif yang telah disasarkan. Meneliti taktikal terrorisme yang digunakan oleh kumpulan seperti Al-Qaeda, ISIS, Zionis, IRA, Laskar Kristus, Khalsa Barbar, Boko Haram, Ashin Wirathu, Aum Shrin Kyo dan lain-lain lagi, kesemuanya mempunyai agenda politik yang jelas di belakangnya. Kesemua mereka bergerak atas ideologi (Aslam, 2019a) politik dengan matlamat akhir (Gunaratna, 2019) menubuhkan kerajaan sendiri (Hamidi, 2016) atau kerajaan berlandaskan agama masing-masing (Hamid, 2017). Malah menubuhkan sebuah kerajaan yang bersifat diktator atau liberal juga boleh dicapai melalui aktiviti berasaskan terrorisme.

Selain itu, aktiviti terrorisme juga terselindung oleh agenda peribadi terutamanya yang berkaitan jenayah terancang telah lama wujud di pelbagai kawasan di dunia ini (Idris, 2016). Industri jenayah rentas sempadan ataupun juga dikenali sebagai '*cross-border terrorism*' yang berkaitan dengan aktiviti pengedaran dadah, senjata api, penyeludupan manusia, pelacuran, pemerasan, penculikan dan lain-lain aktiviti keganasan lagi telah menggunakan terrorisme sebagai alat untuk mencapai objektif yang disasarkan.

Gerakan Al-Maunah yang diketuai oleh Mohd Amin Razali telah mengejutkan Malaysia dan dunia amnya dengan kejadian rompakan senjata api milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada tahun 2000 yang lalu (Hamid, 2008 & Aslam, 2017). Amin yang mempunyai agenda peribadi untuk menggulingkan kerajaan dan seterusnya menjadi pimpinan utama Malaysia telah menggerakkan satu kumpulan pengganas bernama Al-Maunah yang berpusat di Kampung Sauk, Gerik Perak (Aslam, 2009). Dengan pengikutnya yang hanya berjumlah 29 orang, Mohd Amin berjaya mengindoktrinasi mereka agar menyokong perjuangan untuk menjadikan beliau pemimpin Malaysia yang berstatus Imam Mahdi.

Keadaan yang sama juga boleh kita lihat dalam perjuangan yang dilakukan oleh Sultan Jamalul Kiram ke atas Sabah (Harun, 2017). Perjuangan beliau atas kapasiti peribadi untuk menakluki semula Sabah. Akhirnya, serangan secara keganasan dengan menyasarkan rakyat tempatan dan anggota keselamatan telah dilakukan oleh Kiram pada tahun 2013 yang berakhir dengan 56 kematian di pihak pengganas Kiram, 6 orang awam dan 10 anggota tentera/polis. Keadaan yang sama juga boleh dilihat dalam serangan yang dilakukan oleh Anders Breivick pada tahun 2013 di Oslo dan Utoya Island, Norway yang berakhir dengan 69 kematian (Aslam, 2018) dan letupan berskala besar di ibu pejabat kerajaan di Oslo. Pada bulan Mac, 2019, Brenton Tarrant seorang pengganas solo juga telah menyerang Masjid Al-Noor dan Linwood, Christchurch New Zealand yang dipenuhi penganut Islam dengan mengakibatkan 49 kematian. Mohamed Abouyaacob memandu trak dan melanggar mati 86 orang yang sedang menghadiri pesta Bastille Day di Nice, Perancis (Al-Jazeera, 2017). Semua perbuatan ini adalah bersifat serangan pengganas secara persendirian dengan agenda peribadi yang pelbagai.

Daripada keterangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa keganasan mempunyai motif yang pelbagai dan sentiasa berevolusi dari masa ke semasa (Baylis, 2008). Terrorisme akan berterusan selagi ideologi menjadi asas kepada perjuangan ini. Memenjarakan manusia secara fizikal tidak akan dapat menyelesaikan isu ideologi. Malah ianya akan berterusan dari masa ke semasa dan menjadi semakin serius dengan perubahan globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dalam era moden ini (Gunaratna, 2016).

Cabaran seterusnya adalah bagaimana mengatasi ancaman terorisme ini melalui pendekatan strategik bagi mengalahkan ideologi yang dimiliki mereka. Pelbagai pendekatan secara keras mahupun lembut boleh dilakukan, akan tetapi natijahnya adalah berbeza. Oleh itu adalah menjadi keperluan untuk kita bersama menanganinya dengan bijak dan tepat. Maka atas dasar inilah pendekatan secara bersama dengan melibatkan masyarakat sekeliling adalah perlu. Pendekatan ini dinamakan sebagai 'Civil Society Organization' atau CSO (Gunaratna, 2011), iaitu satu gerakan yang mengupayakan masyarakat sebagai ejen utama dalam menangani ancaman terorisme di seluruh negara dan dunia ini amnya.

Usaha menangani masalah terorisme ini bukan lagi isu yang menjadi eksklusiviti entiti tertentu badan berautoriti seperti Polis, Tentera atau Unit Elit Anti-Terrorisme (E8) semata-mata, akan tetapi ianya sudah menjadi tanggungjawab setiap unit kecil masyarakat iaitu individu. Setiap seorang anggota masyarakat mempunyai peranan yang boleh dimainkan dalam membantu kerajaan dan negara dalam menangani ancaman terorisme ini. Kesedaran yang semakin meningkat di kalangan masyarakat menjadikan isu ini semakin menarik untuk dibicarakan. Malah dunia hari ini sudah berubah bukan lagi bersifat polisi "*top down*", akan tetapi dipacu oleh polisi "*bottom-millions*" yang dibawa oleh kebanyakan negara dalam pendekatan berkaitan deradikalisasi dan anti-terorisme (Sabatier, 1986).

Kejayaan dalam usaha menangani ancaman terorisme pada masa yang akan datang amat bergantung penuh kepada kebersamaan yang ada di kalangan pihak berautoriti dan masyarakat awam. Setiap unit kecil dalam masyarakat atau CSO ini termasuklah wanita, remaja, pendidik, pengamal agama, pemimpin masyarakat, pelajar sekolah, peniaga dan sesiapa sahaja sebenarnya mampu memainkan peranan yang baik dalam usaha menangani ancaman

terrorisme ini. Malah kanak-kanak juga boleh membantu jika diberikan asuhan yang tepat dan memahami setiap tindakan yang dilakukan serta aktiviti di persekitaran mereka. Makanya peranan rakyat bawahan atau kelompok jutaan (Rufaedah, 2017) ini adalah penting dalam membantu semua pihak bagi menangani ancaman terrorisme ini.

Perubahan landskap sosial dan politik di kebanyakan negara di dunia juga mempengaruhi kepada perkembangan program deradikalisasi. Perubahan masyarakat dalam arus perdana dan pendekatan 4G serta IR4.0 menjadikan masyarakat lebih dekat dan hampir kepada masalah berkaitan terrorisme ini (Aslam, 2019a). Semakin mudahnya masyarakat diindoktrinasikan, maka semakin perlulah masyarakat dididik agar memahami, menjauhi serta mengatasinya. Perubahan sistem politik yang akhirnya melibatkan pemansuhan atau pindaan kepada undang-undang yang sedia ada di sesebuah negara juga akan mempengaruhi keadaan ini. Jika undang-undang sudah tidak mampu mencegah sesuatu jenayah, maka alternatif yang ada ialah melalui peranan masyarakat massa yang digerakkan secara tuntas dan tepat (Sageman, 214).

Tidak boleh ada satu pun entiti yang berada dalam sesebuah negara menolak atau cuba menafikan peranan yang boleh dimainkan oleh mereka. Hanyalah golongan yang tidak faham atau mempunyai agenda tersembunyi yang akan melihat bahawa mereka tidak mampu menyumbang kepada sebuah masyarakat dan negara yang stabil (Gunaratna, 2017). Hanya individu yang baik akan menghasilkan negara yang baik dan seterusnya masyarakat yang baik dan akhirnya negara yang baik. Jika individu yang dimiliki tidak baik, maka natijahnya masyarakat dan negara yang tidak baik juga akan muncul suatu hari nanti. Maka adalah menjadi satu keperluan untuk menggerakkan upaya CSO agar manfaatnya dapat dinikmati secara bersama.

Resolusi PBB 2242 (2015):

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menggariskan bahawasanya peranan CSO adalah perkara yang amat perlu dan cukup mendesak. Resolusi PBB 2242 yang telah dihasilkan pada 13 Oktober 2015 di Security Council Meeting bernombor 7533 (Security Council, 2015) di ibu pejabat PBB di New York telah menyatakan bahawa setiap negara perlulah menyelesaikan isu

berkaitan terrorisme dengan membangunkan *National Action Plan* (NAP) tersendiri secara jelas dan berhemat. Setiap negara berdaulat yang diiktiraf PBB diberikan mandat oleh PBB untuk membangunkan NAP bagi menangani ancaman keganasan dan ektremisme yang juga disebut secara jelas sebagai *NAP on Countering Violent Extremism* (CVE).

Plan ini disyorkan oleh PBB agar dibangunkan dengan mengambil kira pandangan dan input daripada pelbagai pemegang taruh (*stakeholders*) termasuklah masyarakat sivil, remaja, keluarga, wanita, agamawan, sosiologis, pendidik, pemimpin, media termasuklah golongan daripada sektor kerajaan dan swasta. Ini bertepatan dengan perkara 14-17 resolusi 2242 yang menyatakan (Security Council, 2015):

“These plans should be developed with input from multiple stakeholders and a wide range of civil society actors, including youth, families, women, religious, cultural and educational leaders, media, and the private sector.

(Sumber: Security Council Report s/res/2242/2015)

Bertepatan dengan saranan PBB ini, adalah juga menjadi keperluan untuk mempertahankan sensitiviti pelbagai golongan terutamanya wanita daripada sebarang bentuk keganasan dan jenayah. Memperkasakan wanita dan kekeluargaan juga ditekankan dalam perkara 14–17 resolusi ini yang meletakkan bahawa wanita dan keluarga adalah fokus utama dalam mengekang aktiviti berkaitan terrorisme di seluruh dunia. Secara jelas resolusi ini cuba membangkitkan keperluan dan peranan masyarakat sivil termasuklah wanita dan institusi kekeluargaan dan pelbagai program dan inisiatif CVE (Security Council, 2015). Dengan mengupayakan setiap unit individu dalam masyarakat, maka masalah ini akan dapat dihadapi dengan lebih tuntas dan bersifat lestari. Jika tidak, ianya hanya bersifat sementara dan memerlukan terlalu ramai pihak berkuasa untuk proses pemantauan dan pencegahan. Maka akhirnya akan menimbulkan isu lain pula yang berkaitan keberkesanan dan integriti dan lain-lainnya.

Usaha untuk mengekang ancaman terrorisme dan keganasan ekstrem amat bergantung kepada unit kecil yang saling berkaitan antara satu sama lain. Antara unit utama yang perlu berfungsi adalah Organisasi Masyarakat Awam atau disebut Civil Society Organizations – CSO. Unit ini boleh dianggotai oleh pelbagai lapisan manusia daripada pelbagai entiti termasuklah golongan profesional, kerajaan, swasta, pemberi dana dan lain-lain lagi (Gunaratna, 2015). Kesemua unit ini boleh memainkan peranan masing-masing tanpa mencipta situasi perlumbaan atau persaingan yang tidak sihat. Setiap unit ini seharusnya saling melengkapi dan menyokong antara satu sama lain. Jika pemerdayaan setiap unit dapat diupayakan, maka natijahnya amatlah baik dalam membantu program PCVE tanpa batas geografi dan masa.

Lima Asas Pelaksanaan CSO:

Haruslah difahami, untuk mendapatkan CSO yang efektif, beberapa proses perlu dilalui dan dibangunkan dengan cukup teliti (Aslam, 2019b). Setiap fasa ini akan melibatkan proses yang jelas dan tepat akan hasilnya dapat dimanfaatkan untuk kesemua entiti berkaitan. Malah berkeupayaan menghasilkan CSO yang tepat akan menjadikannya lestari dan kekal bertahan untuk tempoh yang lama serta mampu menghadapi pelbagai kekangan termasuklah wang dan tenaga. Aspek kekangan ini akan dibincangkan di bahagian akhir penulisan ini nanti.



Rajah 1: Lima prinsip asas dalam membangunkan Civil Society Organisation (CSO) yang efektif dan lestari.

Sumber: Penulis.

Asas pertama yang seharusnya dijelaskan dan difahami secara tuntas adalah tentang individual. Siapakah individu yang dikaitkan di sini? Sebenarnya setiap individu di dunia ini adalah merupakan unit kecil komuniti atau masyarakat. Ianya merangkumi lelaki, wanita, kanak-kanak, remaja, dewasa mahupun golongan tua. Mereka tinggal di satu lokasi yang sama dan berkongsi impian atau objektif yang sama. Contohnya individu yang tinggal di kampung, dan bandar serta berkongsi kawasan perumahan dan persekitaran yang sama. Kumpulan ini juga sering ditandai oleh etniksiti dan juga anutan agama yang sama. Mereka berkumpul atas kebersamaan identiti dan anutan agama dan sering berkumpul di rumah-rumah ibadat atau kawasan pertemuan seperti kedai makan, balai raya, tempat kerja, pasar raya dan lain-lain lagi (Malone, 2008). Individu ini akan berkumpul dan membincangkan isu-isu semasa secara bersama dan mempunyai agenda yang sama dalam melahirkan satu masyarakat yang harmoni. Kim Raymond Choo dalam bukunya *'Organised Crime Group in Cyber Space: A Typology'* menyatakan; maka kelompok individu ini akan mencari satu persamaan dalam ideologi yang diperjuangkan mereka termasuklah PCVE dan lain-lainnya.

Penubuhan dan pembentukan CSO berada dalam fasa kedua. Ini adalah merupakan fasa yang penting kerana ianya melibatkan perkumpulan yang ditubuhkan atas dasar perjuangan dan mempunyai objektif yang sama. Mereka akan saling berbincang dan berusaha untuk mencapai objektif yang disasarkan dengan cara bergerak atas satu platform yang lebih jelas dan berstruktur. Perkumpulan ini ditubuhkan sama ada secara rasmi ataupun tidak. Kedua-duanya bergerak dengan baik dan mempunyai penyertaan yang signifikan (Choo, 2008). Kumpulan ini juga pada dasarnya akan melakukan pendaftaran secara rasmi dengan badan-badan yang berautoriti di negara masing-masing. Maka pada peringkat ini lahirlah CSO dan ianya menjadi jalan terbaik bagi menyampaikan mesej-mesej keamanan dan kesejahteraan yang disasarkan. Seterusnya, CSO ini akan lebih dikenali kerana perjuangan mereka sudah boleh dilihat dan dikenali umum. Gerakan dan aktiviti mereka mendapat perhatian masyarakat terutamanya melalui media cetak dan media sosial (Choo, 2008).

Asas ketiga berkaitan CSO adalah keupayaan yang dimiliki oleh figura utama pergerakan atau perkumpulan tersebut. Setiap CSO ini akan mempunyai seorang pemimpin yang dipercayai dan diangkat sebagai ketua organisasi mereka. Aktor utama CSO ini mempunyai karisma dan skil kepemimpinan yang baik dan tersusun (Aslam 2019b). Sama ada lelaki mahupun wanita, itu sama sekali tidak menjadi persoalan asalkan idealisme yang dibawa boleh diterima dan diangkat ke peringkat yang lebih tinggi. Keupayaan tenaga muda adalah merupakan bonus dalam aktiviti CSO kerana tenaga adalah faktor utama selain dana dalam melaksanakan aktiviti CVE di peringkat lokal mahupun global. Pengalaman juga adalah faktor yang penting, mempunyai kepimpinan yang berpengalaman luas terutamanya di peringkat antarabangsa dan pernah berhubung dengan institusi besar di luar negara adalah bonus bagi CSO (Pasha, 2005). Kemampuan menguasai dan bertutur dalam bahasa Inggeris sebagai medium komunikasi utama juga adalah penting dan merupakan keperluan jika ingin membawa CSO ke peringkat yang lebih tinggi.

Polisi adalah merupakan asas kejayaan utama dalam program CVE yang dilaksanakan oleh CSO ini. Falsafah yang dimiliki oleh CSO seharusnya disokong oleh polisi yang jelas daripada kerajaan (Gunaratna, 2018). Jika tidak ada kesepaduan yang dimiliki antara kerajaan dan CSO, maka tahap keberkesannya adalah rendah. Oleh itu inisiatif yang dibuat oleh CSO

seharusnya disokong oleh kerajaan dan sistem yang sedia ada dalam sesebuah negara. Jika polisi tidak ada, maka adalah menjadi tanggungjawab kerajaan mewujudkan polisi yang bersesuaian. Malah polisi ini juga penting untuk dipatuhi oleh pejuang CSO. Walaupun mempunyai sistem dan polisi yang terbaik, tetapi jika ianya tidak dipatuhi maka kesan buruk bakal wujud dan tahap efisiennya boleh dipertikaikan. Pihak kerajaan dan pemain CSO perlu saling bekerjasama dan membina pertalian yang kukuh. Jika hanya kerajaan atau CSO sebelah pihak sahaja yang memainkan peranan ini, ianya akan menyebabkan konflik. Jika masing-masing cuba mempertahankan '*status-quo*' yang dimiliki (Aslam, 2019b), maka akan terjadilah persaingan dan akhirnya akan saling menjatuhkan antara satu sama lain. Oleh itu, proses pembangunan polisi yang jelas perlulah dilaksanakan agar kedua-dua belah pihak mendapat manfaat sebaiknya.

Asas terakhir yang diperlukan dalam proses pembangunan CSO adalah tentang isu atau subjek. Perkara ini adalah merupakan keutamaan yang jelas, tanpa isu atau perkara pokok, maka sukar untuk membawa CSO ke tahap relevan dan berkesan dalam sistem yang dibangunkan (Irfan, 2018). Makanya isu utama di sini adalah Pencegahan dan Mengatasi Keganasan dan Ektremisme atau juga diringkaskan sebagai PCVE. Peranan CSO dalam PCVE adalah merupakan topik penting yang dibincangkan di sini. Isu PCVE ini perlu diperkasakan dalam kapasiti yang jelas dan tepat. Pelbagai lapisan masyarakat harus diperjelaskan tentang keperluan untuk terlibat sama dalam mengatasi dan menghapuskan keganasan dan ektremisme. Peranan setiap unit kecil dalam masyarakat yang dinamakan CSO ini harus dijelaskan dengan cara yang sistematik dan mencakupi setiap satu strata sosial yang ada dalam negara. Keupayaan semua entiti CSO ini harus dipetik dan diguna pakai sebaiknya untuk manfaat yang berterusan dan kekal. Isu-isu lain juga boleh diupayakan kerana PCVE tidak boleh diselesaikan tanpa melihat juga masalah yang berada di persekitarannya. Pelbagai isu lainnya seperti gender, ekonomi, politik, pendidikan, pekerjaan dan lain-lain lagi juga perlu diselesaikan dengan cara yang bijaksana. '*Support system*' yang tepat perlulah dibangunkan agar peranan dan keupayaan CSO tidak dipertikaikan, malah CSO mempunyai ruang untuk dipandang tinggi dan diberikan penghormatan sebagai satu entiti yang penting dalam membantu menjayakan polisi kerajaan berkaitan PCVE.


Peranan CSO sebagai ejen dalam aktiviti PCVE adalah penting dan perlu. Peranan kerajaan secara perlahan-lahan telah dipindahkan ke CSO (Gunaratna, 2019). Jika dahulu, PCVE menjadi hak eksklusif pihak kerajaan semata-mata melalui pasukan Polis atau tentera, akan tetapi akhir-akhir ini, peranan CSO sudah menjadi sangat-sangat diperlukan. Program PCVE berpusat dalam masyarakat dan komuniti adalah diperlukan terutamanya dalam menghadapi cabaran arus perdana dan globalisasi. Dengan semangat saling melengkapi (*compliment*) berbanding bersaing (*competing*), maka PCVE akan menjadi lebih berkesan dan relevan terutamanya dengan cara mengesan dan mengawal unsur-unsur keganasan di peringkat awal kewujudannya, malah sistem sokongan (*support system*) juga akan dapat diperkasakan dengan lebih berkesan (Irfan, 2018).

Secara mudahnya, CSO digerakkan oleh kebanyakan badan sosial yang bertunjangan kemanusiaan dan penyelidikan. Pelbagai institusi di dunia ini mempromosikan PCVE secara tidak langsung (Aslam, 2019c). Objektif awal penubuhan CSO adalah untuk membantu pelbagai lapisan masyarakat dalam pelbagai masalah sosial yang berlaku. Masalah sosial seperti kemiskinan, kurang peluang pendidikan, ketiadaan pekerjaan, kebersihan, dan lain-lain lagi. Masalah berkaitan bencana alam seperti banjir, tsunami, letusan gunung berapi, gempa bumi dan tanah runtuh juga menjadi penyebab kepada wujudnya CSO. Selain itu, bagi menangani isu berkaitan jenayah seperti pelacuran, sindiket, penjualan organ, eksploitasi manusia, dadah, pengubahan wang haram dan terrorisme juga boleh membawa kepada kewujudan CSO (Aslam, 2019b). Akhirnya, kesemua masalah ini digarap dan ditukar menjadi subjek yang memerlukan jalan penyelesaian yang lestari, lalu PCVE diwujudkan bagi melengkapinya.

Cabaran Pelaksanaan CSO:

Memang terdapat pelbagai agensi atau individual yang ingin menubuhkan CSO, semuanya berlumba-lumba untuk menggerakkan CSO kerana pelbagai inisiatif dan bantuan dana disediakan oleh negara mereka sendiri atau agensi antarabangsa. Akan tetapi beberapa cabaran berkaitan pelaksanaan CSO perlulah diberikan perhatian khusus oleh pihak kerajaan dan lain-lainnya. Cabaran ini jika tidak ditangani dengan jayanya, ia akan membawa kepada kegagalan akibat daripada kurang efisien dalam pelaksanaannya. Terdapat tiga

cabaran utama dalam pelaksanaan CSO iaitu kekurangan dana dalam membiayai pelbagai projek yang direncanakan, kurang koordinasi antara pemain utama CSO (Aslam, 2019d), dan pertindihan dalam gerak kerja yang dilaksanakan.



Rajah 2: Cabaran utama yang dihadapi dalam membangunkan Civil Society Organisations (CSO).

Sumber: Penulis.

Masalah utama dalam pelaksanaan mana-mana CSO adalah kekurangan dana. Wang adalah enjin yang menggerakkan semua proses berkaitan, CSO hidup atas bantuan dana yang disalurkan oleh pelbagai agensi berkaitan. Kebanyakan CSO akan memohon pendanaan daripada agensi antarabangsa yang dilihat lebih pemurah dalam menyalurkan bantuan berkaitan seperti Asia Foundation, Japan Foundation, USAID dan banyak lagi (Aslam, 2020). Dana yang diberikan oleh kerajaan luar juga dilihat sangat membantu seperti kerajaan Australia, New Zealand, Belanda, Amerika dan German. Mengapa keadaan ini terjadi? Antara sebabnya adalah kesedaran yang lebih tinggi di kalangan negara-negara Barat dan agensi penyelidikan di negara tersebut berbanding negara-negara lain. Negara maju mempunyai tingkat kesedaran untuk menjayakan CSO dengan lebih baik berbanding negara-negara membangun dan negara-negara miskin (Aslam, 2020). Kesannya, CSO akan berebut ruang dan peluang sedikit yang dimiliki ini, di mana mereka akan berusaha untuk mendapatkan pendanaan tersebut dan pada kebiasaannya akan mengawal peluang tersebut agar tidak terlepas ke pihak yang lain.

Cabaran kedua yang sering dihadapi oleh CSO adalah kurangnya koordinasi di antara aktor (Aslam, 2019c). Kebanyakan CSO selalunya berlumba-lumba dan bersaing sesama sendiri dalam rencana menjadi juara kepada isu yang diperjuangkan. Persaingan yang diwujudkan ini akan

menjadikan mereka tidak berupaya menghasilkan satu produk atau dapatan yang baik. Persaingan yang diwujudkan ini juga akan menyebabkan ada sifat tidak ikhlas dan tidak senang dengan pencapaian rakan mereka. Ini akan menjadikan mereka tidak saling melengkapi, akan tetapi lebih kepada bersaing antara satu sama lain (Aslam, 2019d). Kekuatan yang dimiliki setiap mereka seharusnya diupayakan dengan sebaiknya agar nanti menghasilkan impak yang lebih besar, jika tidak bolehlah dianggap sebagai satu kerugian kerana gagal menguruskan sumber-sumber yang sedia ada.

Halangan yang ketiga adalah pertindihan dalam gerak kerja yang dilakukan di antara CSO ini. Keadaan ini berlaku kerana mereka bergerak atas satu isu yang sama tetapi tidak diselaraskan dengan sebaiknya. Maka di kalangan CSO ini didapati berjuang dan melakukan kerja yang juga dilakukan oleh CSO lainnya. Malah di kalangan CSO ini juga didapati akan cuba menonjolkan kelebihan dan kekuatan yang dimilikinya dengan cara yang kurang baik. Pihak pemberi dana sering kali menimbulkan persoalan kepada CSO yang dilihat memohon peruntukan atas isu yang sama. Malah pihak-pihak lainnya termasuklah Jabatan Penjara, Majlis Agama, Kementerian Dalam Negeri, Polis dan lain-lainnya juga melihat keadaan ini sebagai sesuatu yang menjengkelkan. Ini juga jelas menunjukkan kegagalan CSO untuk bersetuju atas perbezaan masing-masing dan juga mencari titik perbezaan di antara mereka. CSO seharusnya berbicara sesama mereka dan melakukan koordinasi yang boleh menguntungkan kesemua pihak dan mencari '*niche*' atau bidang tujahan yang ingin diperjuangkan (Aslam, 2019b).

Jika semua halangan ini boleh diatasi dengan baik, maka peranan CSO akan menjadi lebih jelas dan berimpak (Aslam, 2019e). Ketiga-tiga isu ini perlu diselesaikan dengan cara yang baik dan berlapang dada di antara semua CSO (Aslam, 2020). Negara-negara maju dilihat lebih bersikap terbuka dalam pelaksanaan CSO dan sedia berkongsi dengan mana-mana pihak yang berkaitan. Akan tetapi di kebanyakan negara, CSO dilihat sebagai sesuatu yang menyusahkan dan mengganggu urusan kerajaan atau pihak berkuasa. Maka dengan menyelesaikan isu-isu yang dibincangkan di atas, maka peranan CSO akan dilihat sebagai sesuatu yang sangat perlu. CSO haruslah menjadi satu entiti yang menyokong idealisme yang dibawa oleh kerajaan dan menjadi kumpulan hadapan dalam menggerakkan isu-isu semasa terutamanya yang berkaitan PCVE (Aslam, 2020).

Melahirkan CSO Yang Efektif:

Pada peringkat ini, perbincangan akan difokuskan kepada bagaimana melahirkan CSO yang efektif dan berjaya. Memang banyak pihak yang mahu CSO diwujudkan, sama ada orang perseorangan mahupun entiti yang berkepentingan. Akan tetapi yang menjadi persoalan di sini adalah berkaitan tahap efisiennya. Pelbagai CSO boleh diwujudkan, akan tetapi banyak juga yang gagal. Maka beberapa langkah berkesan perlulah diambil bagi memastikan CSO mampu mencapai kejayaan yang disasarkan. Fokus kepada PCVE, CSO memerlukan sekurang-kurangnya lapan langkah agar menjadi lebih berkesan dalam gerakannya (Aslam, 2019b).



Rajah 3: Lapan (8) komponen utama sebagai ‘*Best Practices*’ dalam melahirkan Civil Society Organisation (CSO) yang efektif.

Sumber: Penulis.

Pertama, semua pemain CSO haruslah memahami konteks lokal atau persekitaran yang ingin dikuasainya (Aslam, 2020). CSO hanyalah berkesan

jika penglibatan pemain tempatan dapat dioptimumkan. Penggunaan bahasa tempatan amatlah penting agar maksudnya tercapai, objektif terjangkau dan matlamat terhasil. PCVE amat memerlukan sinergi pemain tempatan dan pemain CSO yang berkaitan. Menggunakan bahasa tempatan adalah perlu, contohnya menggunakan Bahasa Melayu di Asia Tenggara seperti Malaysia, Brunei, Singapura, Selatan Thailand dan Selatan Filipina. Tamil dan Urdu di India, Mandarin di negara China dan lain-lain lagi. Kebanyakan individu yang terlibat dalam keganasan adalah mereka yang latar belakang pendidikannya agak rendah dan tidak terdedah dengan Bahasa Inggeris. Maka jika Bahasa Inggeris digunakan sebagai medium komunikasi, ditakuti hasrat yang diinginkan tidak dapat dicapai. Terjejasnya komunikasi akan memberikan kesan yang buruk kepada program PCVE oleh CSO. Kejayaan yang disampaikan melalui laporan dan dibentangkan di pentas antarabangsa hanyalah bersifat retorik dan teoretikal semata-mata, bukannya aplikasi dan tindakan yang merupakan perkara 'perlu' dalam program PCVE.

Untuk memastikan kejayaan CSO, memperkasakan wanita dan keluarga adalah satu keperluan. Memperkukuhkan institusi kewanitaan dan kekeluargaan adalah satu keperluan, akan tetapi memahami fungsi dan konsep sebenar kedua-duanya adalah menjadi perkara yang mendesak. Perkara ini harus diperkasakan kerana golongan ini adalah kumpulan yang mudah dieksploitasi oleh ekstremis dan penganas. Wanita yang merupakan pasangan kepada mereka yang telah dipengaruhi dengan ideologi ganas, menjadi subjek utama dalam indoktrinasi radikal. (perkataan tiada dalam kamus DBP) (Yeomans & Mariutti, 2016). Perasaan cinta dan sayang serta memerlukan bimbingan dari suami atau pasangan lelaki yang dianggap suci dan mampu membawa ke jalan yang benar adalah merupakan tarikan utama. Maka CSO harus memastikan wanita memahami fungsi dan peranan mereka bukan sekadar 'isteri' atau 'ibu' semata-mata, tetapi mereka sebenarnya boleh memainkan peranan yang sangat besar termasuklah membina kesedaran, menghalang ekstremisme dan menyekat radikalisme. Wanita juga harus digalakkan agar berkerjaya dan mempunyai pendapatan sendiri. Perkara yang sama juga harus dilakukan kepada institusi keluarga (Yeomans & Mariutti, 2016). Wanita dan keluarga harus dilibatkan dalam apa sahaja aktiviti CSO kerana kedua-duanya adalah ejen penting sama ada untuk direkrut mahupun dalam proses pemulihan. Mereka yang terlibat dalam VE, biasanya akan ditewaskan dengan penglibatan wanita dan keluarga dalam program-program

pemulihan dan deradikalisasi.

Perkara seterusnya, CSO haruslah memastikan tidak ada pemisahan berdasarkan jantina (Yeomans & Mariutti, 2016). Setiap polisi dan program yang dibangunkan oleh CSO haruslah memastikan bahawa lelaki atau perempuan dimasukkan sekali. Kekuatan yang ada pada jantina tertentu tidak boleh dinafikan. Walaupun aktiviti CSO boleh difokuskan kepada gender tertentu, akan tetapi dalam konteks yang lebih besar, semua jantina harus diambil kira dalam apa sahaja polisi dan aktiviti berkaitan. Naratif yang bersesuaian dalam PCVE harus dimainkan oleh setiap gender terutamanya bergantung kepada kumpulan sasaran mereka. Keterangkuman gender mestilah diutamakan dalam setiap perancangan CSO dengan mengutamakan golongan yang agak tertinggal dari segi ekonomi dan sosial (Waters 2016). Keutamaan harus juga diberikan dengan memahami keperluan asas mereka seperti makanan, tempat tinggal dan sanitasi. Golongan wanita yang biasanya dipinggirkan dalam kelompok ekstremis, wanita sering dianggap subjek yang menyusahkan dan hanya perlu akur dengan setiap arahan yang diberi. Maka kehadiran CSO adalah sebagai pembuka ruang dan peluang kepada wanita untuk lebih terampil dan maju serta memainkan peranan yang lebih signifikan. Manakala golongan lelaki perlu juga didedahkan agar memahami fungsi dan tanggungjawab mereka, bukan sekadar memberi arahan, malah wanita akan dianggap sebagai sebahagian dari pelengkap kepada kehidupan yang sempurna (Aslam, 2016). Apabila kekuatan gender dapat disinergikan, maka impak CSO dalam program PCVE amatlah besar, generasi yang membesar di samping mereka juga akan melihat contoh dan teladan ini untuk dimajukan dan dikembangkan pada masa hadapan (Gunaratna, 2015).

Kajian yang dilakukan oleh pelbagai agensi dunia dengan jelas memperlihatkan bahawa golongan muda atau remaja adalah yang paling ampuh untuk direkrut oleh kelompok radikal dan ekstremis. Golongan ini sering dijadikan sasaran oleh kelompok radikal kerana kecelaruan minda yang dimiliki mereka, mereka selalunya berada di persimpangan, sering terlibat dengan perkara yang dikategorikan sebagai berdosa dan sering rasa bersalah. Minda mereka celaru dan runsing. Selain itu, kelompok ini juga berada dalam posisi mencari identiti sebenar, mereka ingin menjadi yang terbaik dan paling sempurna. Mereka akan menelusuri 'jalan yang benar' dan sering kali terkeliru (Aslam, 2017). Jika mereka menemui guru atau idola yang ekstrem, maka

natijahnya mereka akan menjadi radikal dan sanggup melakukan keganasan sebagai jalan yang paling mudah menuju ke syurga. Dari segi psikologi, golongan remaja juga dikira berada dalam fasa 1 pemikiran kognitif, iaitu fasa yang paling mudah untuk diindoktrinasi. Pada fasa ini, remaja akan mudah dipengaruhi pemikirannya di mana mereka tidak bersikap kritis dan subjektif, pentafsiran dan penerimaan lebih kepada *arahan* dan konvergen. Maka mereka hanya melihat sesuatu perkara itu secara objektif semata-mata, iaitu betul atau tidak dan tiada di antaranya. Sebanyak 75% penganas yang dikenal pasti di seluruh dunia adalah merupakan golongan remaja yang berada dalam lingkungan umur 20-35 tahun (MyCorps, 2019). Makanya, CSO berkaitan haruslah memastikan polisi dan program yang dibangunkan dapat memenuhi citra dan selera golongan ini. Jika golongan ini berjaya ditangani, maka pelbagai masalah berkaitan PCVE akan dapat diatasi. Malah remaja ini juga mempunyai rangkaian sosial yang luas dan akan mampu memberikan impak berganda. Jika golongan remaja dapat dipengaruhi untuk terlibat dalam program PCVE, maka 75% masalah ini dikira telah berjaya diatasi.

Perkara kelima yang perlu diberikan perhatian secara khusus oleh pemain CSO adalah penglibatan agamawan tempatan (Aslam, 2019b). Keganasan, kebencian dan ekstrem adalah berpunca daripada sikap tiada toleransi. Inilah kata kuncinya, kebanyakan penganut agama menjadi tidak toleran dengan agama lain, mereka hanya memikirkan apa yang terbaik untuk diri dan agama mereka sahaja tanpa memikirkan yang lainnya. Sering kali beranggapan bahawa agama yang dianuti adalah yang terbaik dan paling betul, manakala agama lain adalah salah dan sesat. Maka natijahnya mereka akan memburukkan agama dan penganut lainnya hingga sering kali menimbulkan konflik dalam masyarakat. Maka pada peringkat inilah peranan oleh ketua agama amat penting, pimpinan agama perlu bersikap rasional dan mempunyai budaya toleran yang tinggi. Jika pimpinan agama bersikap tidak toleran dan ekstrem maka natijahnya amatlah buruk. Mereka seharusnya menjadi kuasa pengimbang atau yang menyeimbangkan kelompok keras dan sederhana. Agamawan harus memainkan peranannya secara bijaksana dan berhemah. Mereka mampu menarik masyarakat menjadi ekstrem atau lebih sederhana pemikirannya. Jika masing-masing mempromosikan kesederhanaan (Khou, 2018) dalam agama mereka, maka penganutnya juga akan menjadi lebih sederhana dan bertolak ansur sesama penganut lainnya. Pimpinan agama bukan sahaja akan menjadi lebih dihormati kawan mahupun lawan, malah

mereka juga akan dapat menyuburkan keharmonian dan keamanan. Pelbagai program yang bersifat dialog dan pemahaman perlulah diwujudkan agar masyarakat dapat memahami fungsi sebenar agama (Khood, 2018). Bersetuju di atas perbezaan adalah penting agar setiap kita menjadi lebih peka terhadap perkara yang menjadi sensitiviti sesebuah masyarakat ataupun agama. Maka CSO tidak dapat tidak harus melibatkan golongan agamawan dalam pelbagai program dan aktiviti PCVE yang diusahakan mereka.

Perkara seterusnya yang semestinya diberikan perhatian secara khusus oleh CSO adalah berkaitan kerjasama di antara sektor kerajaan dan swasta. Kedua-dua entiti utama dalam sesebuah negara ini perlulah disinergikan dengan sebaiknya agar impak yang jelas dan nyata dapat diwujudkan (Aslam, 2019b). Kerjasama bukan sekadar tindakan dan program-program berkaitan, akan tetapi ianya perlulah diperluaskan hingga kepada perkongsian pemikiran dan idea. Pertukaran idea dan perbincangan secara khusus perlu dilaksanakan agar satu solusi yang terbaik dan tuntas dapat diberikan. Kerajaan pada peringkat ini perlu melibatkan bukan sahaja agensi swasta, malah CSO juga perlu diberikan ruang dan peluang untuk bergerak sama dalam menjayakan PCVE. Kerajaan seharusnya memandang usaha yang dilakukan oleh pihak swasta dan pemain-pemain CSO ini sebagai penting dan perlu. *Status-quo* hanya kerajaan sahaja yang boleh menyelesaikan dan menangani perkara berkaitan ekstremisme dan radikalisme seharusnya ditolak ke tepi. Peranan menangani CVE adalah tanggungjawab bersama dan perlu diselaraskan dengan sebaiknya. Setiap entiti walaupun swasta mahupun agensi sekecil CSO semuanya mempunyai peranan yang tertentu dan setiap mereka boleh saling membantu untuk kebaikan bersama (Gunaratna, 2018). Kerajaan juga boleh membantu agensi swasta dengan memudahkan aspek perundangan dan polisi berkaitan. Bagi pihak swasta pula, mereka seharusnya melihat kesediaan kerajaan untuk turut serta menjayakan PCVE bersama agensi swasta adalah merupakan satu peluang kerjasama yang bakal memberikan manfaat kepada semua pihak. Kerajaan dengan sumber yang banyak, swasta mempunyai dana, manakala CSO pula mempunyai tenaga-kerja, maka apabila ketiga-tiga agensi ini diperkasakan pastinya ia akan memberikan impak yang sangat signifikan (Perry & Latiff, 2019).

Inisiatif ke tujuh, ialah dengan mempereratkan kerjasama serantau. Tidak ada satu negara pun yang boleh hidup secara sendirian (Hamid, 2007)

dalam dunia moden era globalisasi ini. Kita saling memerlukan di antara satu sama lain. Malah perkara berkaitan PCVE juga memerlukan kerjasama erat dengan pelbagai agensi dan negara dalam menjayakannya. Pergerakan yang semakin mudah terutamanya dengan perkembangan industri penerbangan menjadikan aliran pergerakan manusia menjadi lebih pantas dan cepat. Manusia mampu bergerak dari satu kawasan ke kawasan yang lain dengan cukup mudah termasuklah pergerakan aktiviti berkaitan jenayah dan keganasan (Korstanje & Clayton, 2012). Ledakan teknologi maklumat pula menjadi satu lagi cabaran besar dalam menjayakan PCVE. Hari ini, setiap unit individu dengan mudah boleh diresapi oleh elemen radikal, cukup hanya dengan berada di hadapan komputer. Manusia dengan mudah diindoktrinasi tanpa perlu pertemuan semuka (*face to face*), tetapi cukup dengan mempunyai akses kepada internet. Keadaan ini juga dapat dilihat berkembang dengan cukup agresif dalam aktiviti berkaitan jenayah rentas sempadan. Aktiviti penyeludupan, dadah, senjata api, rasuah, pemerdagangan manusia dan pelbagai lagi jenayah rentas sempadan menjadikan kawasan sempadan sebagai amat tipis dan polos (Aslam, 2018). CSO yang dibangunkan seharusnya melihat isu-isu ini secara menyeluruh dan menggerakkan agensi di sempadan agar dapat bekerjasama dalam menanganinya. CSO hanya akan berjaya jika pelbagai negara bekerjasama dan berpadu menangani segala aspek berkaitan PCVE dan juga jenayah rentas sempadan (Korstanje & Clayton, 2012). Tanpa kerjasama erat antara negara, peratusan kejayaan CSO amatlah rendah dan keberkesananannya boleh dipertikaikan.

Perkara terakhir yang perlu diberikan perhatian dalam menjayakan CSO adalah berkaitan dengan memahami sensitiviti etnik dan agama (Aslam, 2019e). Hak kesemua entiti ini harus dipelihara bukan sahaja domestik malah juga merentasi sempadan. Terkadang, CSO yang dibangunkan hanya menumpukan kepada etnik dan agama tertentu hingga melupakan keberadaan masyarakat lainnya. Maka seharusnya perkara ini dielakkan. Sesuatu inisiatif yang diambil di Barat mungkin sesuai dengan budaya dan cara hidup masyarakat Barat akan tetapi belum tentu sesuai dan diterima oleh masyarakat Timur, keadaan yang sama juga sebaliknya. Pemain-pemain CSO juga diingatkan agar tidak meletakkan emosi di barisan hadapan inisiatif yang diambil, perasaan benci dan dendam kepada sesuatu etnik dan agama tidak boleh diwujudkan. Sesuatu tindakan dan program yang dilakukan seharusnya tidak dimasukkan agenda peribadi dan mempunyai kepentingan tertentu

(Aslam, 2019d). CSO yang mahu menjayakan PCVE seharusnya bertindak secara profesional dan ikhlas. Tidak ada satu etnik atau agama pun yang seharusnya dibelakangkan, penglibatan semua pihak dalam mahupun luar negara mestilah dipastikan serta dijayakan dengan sebaiknya.

Kesimpulan:

Akhir sekali, perbincangan ini dengan jelas menunjukkan bahawasanya CSO yang berjuang dalam menjayakan agenda PCVE mempunyai peluang dan juga halangan yang sangat besar. PCVE mempunyai peluang yang amat cerah untuk menjadi agenda penting dunia dalam masa-masa yang akan datang terutamanya apabila berlaku perubahan yang cukup ketara dalam polisi dan undang-undang serta perubahan pucuk pimpinan sesebuah negara. Dalam aspek lainnya, PCVE juga mempunyai halangan yang besar terutamanya apabila CSO gagal mengesan permasalahan dan juga membangunkan dasar yang jelas dalam pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan. Keadaan ini akan dapat diatasi jika pemain CSO boleh mewujudkan kefahaman yang jelas di kalangan masyarakat mahupun agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam PCVE.

Pendekatan yang lebih berhemah dan bijaksana perlulah diambil oleh CSO. Penglibatan semua entiti masyarakat seperti golongan wanita, kanak-kanak, remaja, agamawan, usahawan dan setiap individu dalam masyarakat adalah perlu. Sudah menjadi tanggungjawab CSO untuk memastikan setiap unit masyarakat ini dilibatkan dan diberikan kefahaman yang mapan. Kefahaman ini perlu dibina dan dibangunkan sejak dari awal lagi, iaitu sejak dari alam persekolahan hingga ke universiti dan seterusnya ke alam pekerjaan. Perkara ini menjadi lebih penting bagi kanak-kanak yang tinggal di kawasan konflik dan berisiko. Malah persekitaran kehidupan mereka yang dikelilingi oleh golongan yang ekstrem dan radikal akan menjadikan mereka amat memerlukan kesedaran tentang CSO ini.

Sebagaimana yang telah dibentangkan di *Asia-Europe Counter Terrorism Dialogue* anjuran Konrad Adenauer Stiftung and RSIS Nanyang Technology University di Kuala Lumpur pada September 2019, CSO boleh dijadikan sebagai satu subjek pelengkap yang diperkenalkan di sekolah rendah mahupun menengah (Aslam, 2019b). Maka di sinilah pemahaman dan kepentingan CSO

akan didedahkan kepada pelajar. Seterusnya, projek atau aktiviti lapangan yang diikuti mereka akan menjadi pendedahan dan penglibatan langsung terhadap CSO. Pada jangka masa panjang, ianya akan menjadi asas kepada kesedaran tentang kepentingan dan peranan CSO dalam menjayakan apa sahaja aktiviti ke arah kesejahteraan masyarakat termasuklah PCVE. Pelbagai medium komunikasi termasuklah kelas secara konvensional dan atas talian menjadi keperluan pada peringkat ini. Pelajar perlu dibina kemampuan untuk berfikir secara kritikal, menguasai ilmu IT, kemahiran sosial yang baik dan kecerdikan emosi yang tinggi adalah kunci untuk melahirkan generasi yang sedar dan faham betapa perlunya CSO dalam masyarakat. Maka benarlah apa yang dihasratkan dengan memenangi hati dan perasaan maka akan dapat menjauhkan mereka dari terkesan dengan ideologi ekstrem dan ganas serta akan dapat memulakan kehidupan yang baru.

“The winning hearts and minds approach will create more opportunities for high-risk groups to disengage from extremist ideologies and start a new life”.

(Aslam, M.M., 2019)

Rujukan:

- Anonymous, (2017). Al-Jazeera, Barcelona Attack suspect Younes Abouyaaqoub Shot Dead. Retrieved on the 18 February 2020 from: <https://www.aljazeera.com/news/2017/08/man-shot-search-barcelona-van-attack-suspect-170821144103455.html>
- Aslam, M. M. (2005). Asian and globalization: An analysis from Tun Mahathir's perspectives. Paper presented at the International Conference of Asian Scholars. Shanghai.
- Aslam, M.M., (2008). Operational and ideological challenges in Islamic militancy in Malaysia: The case of Kumpulan Militan Malaysia (KMM). In Md Yatim Othman (Ed.), *Malaysia in Various Issues: A Collection of Essays*. New Zealand: Victoria University of Wellington.
- Aslam, M.M., (2009). A critical study of Kumpulan Militan Malaysia, its wider connections in the region and the implications of radical Islam for the stability of South East Asia. (Ph. D Thesis), Victoria University of Wellington, New Zealand.
- Aslam, M.M., Othman. I.B., dan Rosli, N.K., (2016). De-radicalization programs in South-East Asia: A comparative study of rehabilitation programs in Malaysia, Thailand, Indonesia and Singapore. *Journal of Education and Social Sciences*, 4, 154-160.
- Aslam, M.M., (2017). Threat of Daesh in universities: Malaysia's experience. *Counter Terrorist Trends and Analyses*, 9(4), 12-16.
- Aslam, M.M. & Gunaratna, R., (2019a). Terrorists Rehabilitation and Community Engagement in Malaysia and Southeast Asia. London: Routledge.
- Aslam, M.M., (2019b). The Role of CSO: Malaysia's experience. *Asia-Europe Counter Terrorism Dialogue on 15-17th of September 2019*. Kuala Lumpur: The Continental Hotel.

- Aslam, M. M., (2019c) Conversation with Altaf Deviyati, Director of Operation, IMAN Research on 07th of November 2019. Kuala Lumpur: Park Royal Hotel.
- Aslam, M. M., (2019d). Interview session with Rosyif Abdul Hakim, Founding Members and Author, Ruang Ngobrol Indonesia on 19th of November 2019. Jakarta: Ruang Ngobrol Headquarters.
- Aslam, M. M., (2019e). Interview session with Nasir Abbas, Founding Members, Division for Applied Social Psychology Research (DASPR), Indonesia on 18th of November 2019. Jakarta: DASPR Headquarters.
- Aslam, M. M., (2020). Teleconversation with with Dina Zaman, Founding Director of IMAN Research on 10th of January 2020.
- Avisha, g G., (2007). Terrorism on the Internet: Discovering the Unsought. *Terrorism and olitical Violence*, Volume. 9, Issue 4. P. 159-165.
- Choo, K. R., (2008). *Organised Crime Groups in Cyber Space: A Typology*. Geneva: Springer.
- Gunaratna, G., Jerard. J., and Rubin, L., (2011). *Terrorist Rehabilitation and Counter-Radicalisation* (London: Routledge, 2011).
- Gunaratna, R., (2015) ‘Global threat assessment: a new threat on the horizon?’, *Counter Terrorist Trend and Analysis, A Journal of International Centre for Political Violence and Terrorism Research*, S. Rajaratnam School of International Studies, vol. 7, issue 1, January/February 2015, 5.
- Gunaratna, R., 2018. "Counterterrorism: ASEAN Militaries' Growing Role – Analysis." *RSIS Commentaries*. March 14. Accessed June 01, 2018. <https://www.rsis.edu.sg/wp-content/uploads/2018/03/CO18042.pdf>.
- Gunaratna, R., and Ali, M., 2014. *Terrorist Rehabilitation: A New Frontier in Counter-terrorism*. London: Imperial College Press.
- Hamid, Ahmad Fauzi Abdul. 2007. *Islam and Violence in Malaysia*. White Paper, Singapore: RSIS.
- Hamid, Ahmad Fauzi Abdul. (2007). Islamists. Patterns of State Interaction with Islamic Movements in Malaysia During the Formative Years of

Islamic Resurgence. Centre for Southeast Asian Studies-Kyoto University: *Japanese Journal of Southeast Asian Studies*. 44 (4), p.444-465.

Hamid, Ahmad Fauzi Abdul. (2008). Islamists Realignment and the Rebranding of the Muslim Youth Movement of Malaysia. ISEAS-Yusof Ishak Institute: *Contemporary Southeast Asia: A Journal of International and Strategic Affairs*. 30 (2), p.215-240.

Hamidi, Ahmed Zahid. 2016. "Malaysia's Policy on Counter Terrorism and Deradicalisation Strategy." *Journal of Public Security and Safety* 1-19.

Harun, R., (2017) Rising to the Challenge of Islamic Extremism in Malaysia in Mazlan. A., Manaf. Z. A., Aslam, M.M., *Extremism and Radicalism in Malaysia: A Selected Work*. Putrajaya: Penerbit Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Idris, Irfan. 2016. "Deradikalisasi: Pembinaan Wawasan Kebangsaan." *Damaila Indonesiaku*. August 30. Accessed June 19, 2018. <https://damailahindonesiaku.com/deradikalisasi-pembinaan-wawasan-kebangsaan.html>.

Irfan Idris, BNPT, interview by Rohan Gunaratna. 2018. *Cultural Rehabilitation in Indonesia* (June 28).

Rufaedah, A., Sarwono, S. W., & Putra, I. E. (2017). Pemaknaan istri napi teror terhadap tindakan suami [The interpretation of the wife of the prisoner of terror against the actions of the husband]. *Jurnal Psikologi Ulayat*, 4(1), 11-28.

J. Baylis, S. Smith, P. Owens. (2008). *The Globalization of World Politics: An Introduction to International Relations*. Oxford: Oxford University Press.

Khoo, Y.H. (2018). The NGO-Government Relations in Malaysia: Challenges and Opportunity. In Raffaella Marchetti. *Government-NGO Relationships in Africa, Asia, Europe, and Mena*. New York: Routledge.

- Korstanje M.E. and Clayton A. (2012) Tourism and terrorism: Conflicts and commonalities. *Worldwide Hospitality and Tourism Themes* 4(1): 8 -25. doi.org/10.1108/17554211211198552.
- Molone, D.M., (2008). *A Small Unit Leadership: A Commonsense Approach*. New York: Ballentyne Books.
- MYCrops. Malaysian Youth Volunteering Programmes. Ministry of Youth and Sports. Retrieved on 1 October 2019 from: mycrops.my urnal of Public Policy
- Pasha, A. G., (2005). Role of Civil Society in Governance. Paper presented at the 6th Global Forum on Reinventing Government Towards Participatory aTransparent Governance. 24 – 27 May 2005, Seoul, Republic of Korea. Retrieved on 03rd March 2020 from: <https://pdfs.semanticscholar.org/4fd4/98b7d3d0a3f8c1508aac90db35d1d0b318bc.pdf>
- Perry, M., & Latiff, R. (28 Oct 2019). After Baghdadi death, Southeast Asia expects long fight against Islamic state’s influence. Reuters. Retrieved on 31 October 2019 from [https://www/reuters/com](https://www.reuters.com)
- Putra, I. E., & Sukabdi, Z. (2013). Basic concepts and reasons behind the emergence of religious terror activities in Indonesia: An inside view. *Asian Journal of Social Psychology*, 16(2), 83-91.
- Sabatier, Paul. A., (1986). Top-Down and Bottom-Up Approaches to Implementation Research: A Critical Analysis and Suggested Synthesis. *Journal of Public Policy*. Volume 6, Issue 1 pp. 21-48.
- Sageman, M. (2004). *Understanding Terror Networks*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Security Coucil, (2015). Resolution 2242 – 2015, Adopted by Security Council at its 7533rd meeting, on 13 October 2015. New York: United Nation. Retrieved on 03rd March 2020 from: https://www.securitycouncilreport.org/atf/cf/%7B65BF9B-6D27-4E9C-8CD3-CF6E4FF96FF9%7D/s_res_2242.pdf
- Wouterse FS (2016) *The Distribution of Power and Household Behavior*:

Evidence from Niger. Report for the International Food Policy Research Institute (IFPRI).

Yeomans L and Mariutti FG (2016) Different lenses: women's feminist and postfeminist perspectives in public relations. *Revista Internacional de Relaciones Públicas* 12: 85–106. [Doi.org/10.5783/RIRP-12-2016-06-85-106](https://doi.org/10.5783/RIRP-12-2016-06-85-106).